



POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). MBPP mengambil berat mengenai perlindungan data peribadi anda. Polisi ini menjelaskan bagaimana MBPP memproses data peribadi anda bermula daripada pengumpulan, penggunaan, perkongsian dan pemusnahan serta langkah keselamatan yang kami ambil untuk memastikan data peribadi anda dilindungi sebaiknya seperti yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

JENIS-JENIS, SUMBER DATA PERIBADI DAN KEBENARAN PEMROSESAN

Data peribadi yang diberikan secara sukarela oleh anda melalui borang-borang kami, perjanjian, laman sesawang dan/atau lain-lain dokumen yang sehubungan dengannya mungkin mengandungi maklumat termasuklah tetapi tidak terhad kepada nama anda, nombor kad pengenalan / nombor passport, alamat, alamat e-mel, nombor telefon, umur, jantina, bangsa, kewarganegaraan, agama, gambar foto dan nombor akaun anda (secara kolektifnya data peribadi). Dengan memberikan data peribadi anda secara sukarela melalui sumber pengumpulan, anda memberi kebenaran kepada kami untuk mengumpul, mengguna dan memproses data peribadi anda.

PENZAHIRAN / PENDEDAHAN DATA PERIBADI

MBPP tidak menzahirkan data peribadi anda kepada pihak ketiga yang tidak terlibat tanpa kebenaran daripada anda. Walau bagaimanapun, kami akan menzahirkan data peribadi anda jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh undang-undang atau secara niat baik, jika tindakan itu adalah perlu untuk (i) mematuhi kehendak mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; atau (ii) melindungi dan mempertahankan hak atau harta MBPP dan yang berkaitan.

PENYIMPANAN DATA PERIBADI

MBPP hanya akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan serta keperluan dalaman mengikut polisi penyimpanan data peribadi kami. Selepas itu, MBPP akan memusnahkan atau menghapuskan terus data peribadi anda.

HAK AKSES DAN / ATAU MEMBETULKAN DATA PERIBADI

Pemilik data peribadi berhak untuk :

- Menyemak sama ada kami menyimpan data peribadi anda dan meminta akses pada masa yang sama;
- Membetulkan apa-apa data peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap dan yang tidak terkini;
- Menarik balik kebenaran untuk kami memproses data peribadi anda (sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya) melalui notis bertulis tertakluk kepada syarat-syarat kontrak dan juga sebarang sekatan undang-undang; dan
- Berhubung dengan kami untuk membuat bantahan sekiranya data peribadi anda digunakan bagi tujuan pemasaran.

Pemilik data peribadi yang ingin meminta akses atau membuat pembetulan ke atas data peribadi anda atau menghadkan data peribadi anda dari diproses, segala pertanyaan atau aduan boleh dikemukakan kepada MBPP melalui kaedah hadir ke pejabat dan melalui saluran komunikasi sah yang telah disediakan.

DATO' Ir. RAJENDRAN P. ANTHONY
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Berkuatkuasa : **8 SEPTEMBER 2025**